

04 FEB 2000

Najib-Umno

NAJIB HARAP CALON DAN ANGGOTA LEBIH BERTANGGUNGJAWAB DEMI PARTI

PORT DICKSON, 4 Feb (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berharap semua calon dan anggota parti akan lebih bertanggungjawab demi menjaga imej parti pada pemilihan Mei ini.

"Ini kerana proses pemilihan dalam Umno mesti dilihat bersih supaya orang ramai akan mempunyai keyakinan yang lebih terhadap pemimpin yang dipilih kerana Umno itu adalah kerajaan dan secara tidak langsung ia berkait rapat dengan imej kerajaan juga," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam supaya anggota Umno yang bertanding pada pemilihan parti Mei ini dibenarkan berkempen selagi tidak melanggar kod etika yang diluluskan oleh Majlis Tertinggi (MT).

Perdana Menteri semasa mengumumkan keputusan MT itu berkata mereka yang melanggar peraturan kod etika itu akan hilang kelayakan bertanding.

Najib berkata Umno mahukan amalan yang sihat dalam parti dan tidak dinodai dengan perkara seperti sogokan wang, peras ugut dan sebagainya.

"Jika anggota Umno memperlihatkan tanggungjawab seperti ini, tidak ada sebab mengapa kita hendak memperketatkan lagi larangan itu," katanya.

Menurutnya larangan itu bertujuan menjaga imej parti selain memberi kelonggaran kepada calon menjalankan kegiatan yang sesuai dengan kod etika itu.

Sebelum itu, Najib yang juga Menteri Pertahanan menerima tabik hormat perbarisan tamat latihan 921 orang rekrut siri 142/99 di padang kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda), dekat sini, hari ini. Turut hadir ialah Panglima Tentera Darat Jen Datuk Seri Mohamed Hashim Hussein.

-- BERNAMA

RP NAK